


## PENGANGKUTAN



Membina dan menambahbaik jaringan pengangkutan rel serta lebuhraya termasuk Lebuhraya Damansara-Shah Alam, Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Klang, Lebuhraya Pulau Indah dan Lebuhraya Central Spine Road

# Pulangan 4 kali ganda

■ Limpahan pelaburan RM80b laksana projek LRT, MRT



Oleh Rizanizam Abdul Hamid  
mrizanizam@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**P**elaburan kerajaan RM80 billion untuk melaksanakan projek Transit Aliran Ringan (LRT) dan Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) seperti diumumkan pada Bajet 2016, semalam, mampu memberi

pulangan sehingga empat kali ganda kepada pendapatan negara.

Ketua Kluster Kejuruteraan Teknologi dan Alam Bina Majlis Profesor Negara (MPN) Prof Datuk Dr Ahmad Darus berkata, walaupun bajet mungkin tidak banyak menyentuh isu diharapkan rakyat, namun ia memberi kesan positif jangka panjang mereka.

"Kalau kita lihat di negara maju pun, perkiraannya ialah setiap RMI dibelanjakan untuk pengangkutan akan memberi pulangan RM4 yang

dikutip daripada pelbagai sektor kesan pembangunan pesat selepas itu.

"Antaranya daripada peluang pekerjaan, cukai dan industri sampingan yang wujud di sekitarnya setelah mempunyai jaringan pengangkutan rel yang sistemik dan efisien," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pada bajet semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengumumkan projek sambungan LRT Laluan Ampang dan projek sambungan LRT Laluan Kelana Jaya yang bernilai RM10 bilion dijangka beroperasi Mac dan

Julai 2016.

Bagi projek fasa dua MRT Semantan-Kajang yang sedang dilaksanakan dengan kos RM32 bilion, ia dijangka siap pertengahan tahun depan.

Bagi Projek MRT II dari Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya pula membabitkan kos RM28 bilion selain projek LRT3 dari Bandar Utama, Damansara-Johan Setia dengan anggaran kos RM10 bilion.

Mengulas lanjut, Ahmad Darus berkata, pengecualian tol di Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dengan anggaran kos pembinaan sebanyak RM16.1 bilion juga diharap tidak mengganggu bajet untuk memastikan lebuhraya berkenaan sentiasa dalam keadaan baik.

RM28 BILION

Projek MRT II dari Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya berjarak 52 kilometer memberi manfaat dua juta penduduk dengan anggaran kos pembinaan RM28 bilion

Kerja pembinaan direncana bermula dalam suku kedua 2016 dan dijangka siap menjelang 2022

RM10 BILION

Projek LRT3 dari Bandar Utama, Damansara-Johan Setia, Klang berjarak 36 kilometer memberi manfaat dua juta penduduk dengan anggaran kos RM10 bilion. Mula dibina 2016 dan siap pada 2020

RM900 JUTA

RM900 juta diperuntukkan untuk Projek Penyuraian Trafik Jalan Tun Razak yang akan dilaksanakan secara kerjasama strategik awam-swasta untuk

mengurangkan  
kesesakan lalu lintas di  
ibu negara

## RM42 JUTA

RM42 juta disediakan bagi pembinaan Lapangan Terbang Mukah, Sarawak dan menaik taraf lapangan terbang di Kuantan dan Kota Bharu

Projek sambungan LRT Laluan Ampang berjarak 18.1 kilometer beroperasi pada Mac 2016

Projek sambungan LRT Laluan Kelana Jaya sehingga Putra Heights berjarak 17.4 kilometer beroperasi pertengahan 2016

## RM10 BILION

Kedua-dua projek sambungan ini bernilai RM10 bilion

Projek MRT jajaran Sungai Buloh-Semantan beroperasi pada Disember 2016

## RM32 BILION

Fasa 2 MRT Semantan-Kajang dijangka siap pertengahan 2017. Projek ini berjarak 51 kilometer sedang dilaksanakan dengan kos RM32 bilion



ABDUL Rahman

# Beri lebih banyak peluang

**Kuala Lumpur:** Pembentangan Bajet 2016 sepatutnya memberi lebih banyak peluang kepada syarikat tempatan untuk terus meningkatkan kemampuan dalam pembinaan rangkaian landasan kereta api dan teknologi sistem.

Ketua Pegawai Eksekutif CMC Engineering Sdn Bhd Datuk Abdul Rahman Yusof berkata, ketika ini syarikatnya mengambil bahagian da-

lam projek infrastruktur gerbangi membabitkan penyediaan rangkaian landasan dan telekomunikasi oleh tenaga mahir.

"Untuk memenuhi permintaan (tenaga mahir) bersesuaian dengan projek mega pembangunan rangkaian landasan, sejumlah peruntukan dalam bajet pendidikan perlu diagih untuk menyokong usaha melatih jurutera Malaysia.

"Mereka menjadi aset berharga kepada syarikat tempatan apabila menyumbang khidmat ke negara luar.

"Bagaimanapun, kita terkejut apabila tiada peruntukan diumumkan untuk Keretapi Malaysia Berhad (KTMB) yang sekian lama menjadi nadi infrastruktur pengangkutan awam yang menghubungkan rakyat dari luar Lembah Klang," katanya.

Kuala Lumpur

## Tambah 500 motosikal URB, kereta peronda

Penambahan 500 motosikal untuk Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan 500 kereta peronda diyakini mampu mengurangkan kadar jenayah.

Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar dalam kenyataannya berkata, penambahan unit motosikal dan kereta

peronda itu membolehkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) meningkatkan lagi rondaan keselamatan.

"Kehadiran secara langsung di kawasan tertentu ketika rondaan diyakini mampu mengurangkan rasa takut masyarakat terhadap kejadian jenayah," katanya.

Itarian netro  
24/10/15  
mls 16

Kuala Lumpur

## Sambut baik iktiraf KLIA Aeropolis

Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) menyambut baik apabila Lapangan Terbang Antarabangsa KL Aeropolis (KLIA Aeropolis) diiktiraf sebagai perkara penting dalam Bajet 2016.

Pengarah Urusannya, Datuk Badlisham Ghazali berkata, pengendali lapangan terbang itu mengenal pasti lebih 20

projek pembangunan meliputi 526.09 hektar di sekitar KLIA dan beberapa lapangan terbang lain.

"Kami menganggarkan pelaburan langsung asing dan domestik mampu mencecah sehingga RM7 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang bermula pada 2016," katanya.

- BERNAMA



"Sistem jalan raya lebih cekap dan menyeluruh membantu mengurangkan kadar kesesakan, sekali gus mampu menyelesaikan masalah utama penduduk bandar"

Muhammad Syafiq Shah, 26, Pekerja Swasta.



"Kemajuan di bandar harus sejajar dengan peningkatan sistem pengangkutan lebih moden dan canggih, sekali gus memberi persepsi positif kepada pelancong"

Sheron Asagung, 28, Penolong Pembantu Perancang Luar Bandar,

Kerajaan juga akan meneruskan rundingan High Speed Rail dengan Kerajaan Singapura

## RM1.5 BILION

Projek Bus Rapid Transit atau BRT KL-Klang pada kos melebihi RM1.5 bilion dan BRT Kota Kinabalu pada kos hampir RM1 bilion akan dilaksanakan

## RM16.1 BILION

Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sepanjang 1,090 km dijangka siap pada 2021 dengan anggaran kos sebanyak RM16.1 bilion

## RM12.8 BILION

Di Sabah pula, Fasa 1 lebuhraya ini akan mula dibina pada 2016 meliputi 706 kilometer bermula dari Sindumin ke Tawau dengan anggaran kos RM12.8 bilion

Lebuhraya Pan Borneo akan bebas daripada sebarang bayaran tol - Bagi pengangkutan penumpang udara penduduk pedalaman di Sabah dan Sarawak serta Labuan, perkhidmatan domestik kelas ekonomi bagi laluan Rural Air Services dikecualikan daripada GST